

02/10/2001

Pakej rangsangan fiskal langkah bijak atasi kelembapan

PAKEJ rangsangan fiskal terbaru yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad minggu lalu dilihat bertepatan pada masa dan satu langkah bijak untuk menampung kesan kelembapan ekonomi dunia khususnya berikutan serangan pegganas di Amerika Syarikat.

Pengarah Eksekutif, Majlis Perundingan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kebangsaan, Tan King Paw, berkata walaupun kesan krisis yang dihadapi Amerika Syarikat itu tidak begitu terasa sekarang, tindakan kerajaan mengumumkan rancangan itu mampu mengelakkan kesan yang lebih teruk jika tiada sebarang bantuan diberikan kepada PKS.

Beliau berkata, antara PKS yang menerima kesan akibat krisis itu termasuk sektor elektronik dan perabot yang kebanyakannya mengeksport produk masing-masing ke Amerika Syarikat (AS) dan negara Eropah.

"Kesan kelembapan ekonomi di AS dijangka mula dirasai PKS dalam tempoh dua hingga tiga bulan akan datang tetapi kebanyakan syarikat terbabit ketika ini masih menerima pesanan bagi produk masing-masing," katanya ketika dihubungi Berita Harian, semalam.

Bagaimanapun, katanya beliau tidak menerima sebarang maklumat lanjut mengenai jumlah peruntukan yang disediakan kerajaan kepada PKS termasuk daripada Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC).

Perdana Menteri, baru-baru ini mengumumkan kerajaan membaiki syarat dan memudahkan pembiayaan di bawah dana sedia ada bagi PKS sebagai sebahagian daripada pakej rangsangan ekonomi bernilai RM4.3 bilion.

Ketika ini, kerajaan menyediakan enam dana khas yang bertujuan membantu pembangunan PKS, terutama Bumiputera.

Dana itu ialah Dana Usahawan Baru, Dana Untuk Makanan, Dana Untuk Industri Kecil dan Sederhana 2, Dana Projek Usahawan Bumiputera, Dana Pemulihan untuk Industri Kecil dan Sederhana dan Dana Pemulihan Usahawan dan Pembangunan.

Ditanya mengenai masalah yang sering dihadapi PKS, Tan berkata peserta industri menghadapi masalah kekurangan modal kerja dan memerlukan sokongan dana untuk menggerakkan perniagaan.

Sementara itu, sumber industri ketika dihubungi berkata kerajaan menyalurkan dana khas bagi pembangunan PKS menerusi pelbagai institusi dan di bawah kawal selia Bank Negara Malaysia (BNM).

Bagaimanapun, kerajaan tidak menetapkan sebarang jumlah peruntukan yang terkandung dalam pakej itu kerana ia bergantung kepada peruntukan yang diperlukan bagi sesuatu tabung.

(END)